

27 Jun 2023

Jerry Shahnizal bin Ab Aziz
Lot 1143F, Lorong 3,
Kg Merbau Sempak,
Seksyen U17 40160
Shah Alam, Selangor

Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC),
Jalan Produktiviti off Jalan Sultan,
46200 Petaling Jaya,
Selangor.
(u.p: En. Mohd Khairizal Khahidir)

Tuan,

PERMOHONAN LANJUTAN TEMPOH CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH BAGI HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (CBBPHLP) PERINGKAT SARJANA PENGURUSAN PERNIAGAAN (MBA), UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Saya Jerry Shahnizal bin Ab Aziz (830808-14- 6065) merupakan penerima biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) sesi 2022/23 dan kini sedang mengikuti pengajian peringkat Sarjana Pengurusan Perniagaan (MBA) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Tempoh Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Hadiah Latihan Persekutuan (CBBPHLP) yang telah ditawarkan oleh JPA adalah selama 18 bulan (3 semester) bermula 14 Mac 2022 sehingga 13 September 2023. Mod pengajian di semester pertama adalah secara online, manakala semester kedua dan ketiga adalah secara fizikal di Fakulti Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan, UKM, Bangi.

3. Untuk makluman Tuan, merujuk kepada Pekeliling Akademik UKM Bil 36/2022 bertarikh 27 Oktober 2022, mod pengajaran dan pembelajaran atas talian (online) telah diubah kepada mod fizikal di atas arahan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Perubahan ini telah menghadkan bilangan pelajar bagi setiap subjek termasuk jumlah dan kapasiti kelas yang disediakan. Kapasiti pengajian secara online ada seramai 50-60 orang pelajar, manakala pengajian secara fizikal hanya terhad kepada 40 orang pelajar bagi setiap kelas. Pada tahun ini, pelajar tajaan JPA adalah kohort sedia ada (Semester 3) telah bertembung dengan pelajar kohort baharu (Semester 2) menyebabkan bilangan pelajar yang mendaftar bagi subjek tertentu melebihi kapasiti sebuah kelas secara fizikal. Perkara ini tidak dapat dielakkan berikutan penawaran dan pengambilan pelajar kohort baharu telah dibuat lebih awal sebelum arahan tersebut dikeluarkan.

4. Susulan perubahan mod pengajian ini juga menyebabkan berlakunya persaingan tinggi antara pelajar dalam pemilihan subjek (seperti dalam Lampiran) oleh fakulti sehingga mencapai bilangan pelajar maksimum yang dibenarkan. Pelajar tajaan JPA tidak dapat memilih subjek tersebut berikutan pendaftaran kelas telah mencapai tahap maksimum. UKM menghadkan bilangan pelajar bagi setiap subjek bagi mengekalkan kualiti pengajian serta mematuhi segala ketetapan yang digariskan oleh pihak universiti. Subjek-subjek ini merupakan antara subjek yang relevan serta signifikan kepada penjawat awam di semua peringkat sesuai dengan keperluan semasa pegawai kerajaan.

5. Sehubungan itu, saya ingin memohon jasa baik pihak MPC untuk mempertimbangkan tempoh lanjutan cuti belajar saya bermula 14 September 2023 sehingga 13 Mac 2024 berdasarkan justifikasi seperti berikut:

- i. Terdapat empat (4) lagi kursus elektif yang perlu diambil bagi melengkapkan 48 jam kredit yang ditetapkan oleh UKM-GSB bagi tujuan bergraduasi.
- ii. Empat (4) kursus elektif yang akan diambil pada Semester 3 Sesi Akademik 2022/2023 adalah merupakan kursus elektif yang berkaitan dengan pengurusan awam iaitu Kluster Pengurusan Awam (Public Management Cluster). Kursus elektif ini telah memenuhi had kapasiti pelajar setelah mod pembelajaran ditukar daripada atas talian kepada fizikal.
- iii. Kursus elektif ini merupakan kursus di bawah Kluster Pengurusan Awam yang lebih relevan dengan bidang tugas di sektor kerajaan termasuk di dalam pemasaran digital selain dapat meningkatkan kompetensi sebagai Penjawat Awam. Senarai kursus elektif seperti di Lampiran.
- iv. Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM-GSB) juga menyokong lanjutan tempoh pengajian ini serta tiada halangan untuk disempurnakan sehingga tempoh empat (4) semester.


6. Justeru itu, saya dengan rendah diri ingin memohon pertimbangan dan kelulusan daripada pihak MPC berhubung lanjutan tempoh CBBP-HLP saya sehingga 13 Mac 2024. Bersama-sama ini juga dilampirkan beberapa dokumen sokongan yang berkaitan untuk makluman dan perhatian Tuan selanjutnya:

- i. Surat Sokongan Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan (UKM-GSB);
- ii. Senarai Kursus Elektif Kluster Pengurusan Awam UKM-GSB;
- iii. Salinan keputusan peperiksaan Semester 1 & 2 Sesi Akademik 2021/2022;

Segala kerjasama dan pertimbangan yang diberikan saya dahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



Jerry Shahnizal bin Ab Aziz

012-4058351

KURSUS ELEKTIF PENGURUSAN AWAM - KLUSTER PENGURUSAN AWAM
SEMESTER 2, SESI AKADEMIK 2023/2024

Bil	Kod Kursus	Kursus
1.	ZCMG6271	Dasar dan Pengurusan Sains, Teknologi dan Inovasi
2.	ZCMB6261	Daya Saing Dari Sudut Mikro Ekonomi
3.	ZCMG6261	Dasar Kerajaan Tempatan
4.	ZCMD6241	Pemasaran Digital dan Media Sosial